

# Anwar ajak pelabur Ethiopia jalin kerjasama saling menguntungkan

Malaysia jadi jambatan hubung potensi dan kepelbagaian dinamik bagi kedua-dua rantau

Daripada Sharanjit Singh di Addis Ababa



Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata sudah tiba masanya bagi syarikat, pelabur dan peneraju inovasi di Ethiopia untuk memulakan operasi di Malaysia.

Perdana Menteri berkata, ia mengambil kira banyak peluang yang terhidang untuk kedua-dua pihak menerokai kerjasama yang saling menguntungkan.

"Ia bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga di blok ASEAN yang dinamik dan meriah serta di seluruh rantau Asia Pasifik yang lebih luas.

"Biarkan Malaysia menjadi

jambatan yang menghubungkan potensi dan kepelbagaian dinamik bagi kedua-dua rantau kita," katanya dalam ucapan pada Forum Perniagaan Peringkat Tinggi Ethiopia-Malaysia di sini.

Yang hadir sama, Presiden Ethiopia, Taye Atske-Selassie dan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Tengku, Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

Lebih 80 pemimpin perniagaan dari Malaysia dan wakil daripada 54 syarikat Ethiopia menghadiri forum berkenaan yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Addis.

## Lawatan pertama Anwar

Tambah Anwar lagi, kehadiran besar komuniti perniagaan Ethiopia, pelabur serantau dan peneraju industri Malaysia mencerminkari potensi kerjasama lebih besar dan lebih berani antara kedua-dua negara.

"Ini adalah lawatan rasmi pertama saya ke Ethiopia dan saya hadir bersama menteri perdagangan dan pelaburan, serta pegawai kanan dan delegasi perniagaan."

"Tidak perlu ada keraguan tentang komitmen Malaysia untuk membuka laluan baharu bagi perdagangan, pelaburan dan kemakmuran bersama,



Anwar menyampaikan ucapan pada Forum Perniagaan Peringkat Tinggi Ethiopia-Malaysia di Addis Ababa, semalam.

(Foto BERNAMA)

baik dengan Ethiopia mahupun Afrika secara keseluruhannya," katanya.

Anwar berkata semua negara tidak boleh lagi bergantung sepenuhnya kepada rakan tradisional, lantas kerjasama baharu

diperlukan untuk berdepan perubahan yang kompleks tercepus akibat ketegangan geopolitik, gangguan rantaian bekalan dan cabaran berkaitan iklim.

Beliau berkata sudah tiba masa

bagi semua negara untuk berdiri bersama dalam mengekalkan kestabilan, menggalakkan pasaran terbuka dan mengejar pertumbuhan inklusif serta lestari.

"Inilah sebabnya forum hari ini sangat tepat pada masanya. Ethiopia dan Afrika secara keseluruhan, bukan sekadar rakan untuk Malaysia atau Asia Tenggara, tetapi rakan strategik dalam dunia yang sedang berubah dengan pantas.

"Penglibatan ekonomi Malaysia dengan Afrika telah berkembang secara konsisten sepanjang tahun, daripada infrastruktur telekomunikasi kepada perkhidmatan penerbangan, pendidikan dan tenaga.

"Reformasi Ethiopia, aspirasi logistiknya dan tenaga kerja muda serta dinamikya menyediakan asas kukuh untuk kerjasama lebih mendalam," katanya.

Anwar turut menekankan potensi sebenar dalam sektor pertumbuhan tinggi seperti teknologi digital, tenaga boleh diperbaharui, agroindustri, pembangunan infrastruktur dan kewangan Islam.

Beliau juga menegaskan beberapa syarikat Malaysia sudah pun menyatakan minat untuk meneroka Ethiopia sebagai hab strategik bagi Afrika Timur.